



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI ANJUR PROGRAM AKSES KEPADA PELUANG PEMBIAYAAN (BIAYA USAHAWAN 2022)

KUALA LUMPUR, 24 SEPTEMBER 2022 – Program BIAYA USAHAWAN 2022 yang berlangsung pada 23 dan 24 September 2022, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) berpotensi membiayai usahawan sebanyak RM31.6 juta. BIAYA USAHAWAN 2022 dengan penglibatan sebanyak 40 agensi pembiayaan yang terdiri daripada Institusi Kewangan Konvensional dan Islamik, Institusi Pembangunan Kewangan (DFI), Organisasi Pembangunan Keusahawanan (EDO) serta syarikat-syarikat perkhidmatan kewangan. Program ini telah menarik seramai 3,100 pengunjung sepanjang dua hari penganjurannya.

BIAYA USAHAWAN 2022 yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), menerusi jalinan kerjasama dengan empat rakan strategik iaitu Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), serta Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), bertujuan memberi pendedahan terhadap akses kepada peluang pembiayaan kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Penganjuran program ini dihasratkan sebagai platform informasi di bawah satu bumbung khususnya melibatkan bantuan kewangan dan bimbingan untuk memulih serta mengembangkan perniagaan keluarga usahawan PMKS. Antara pengisian sempena BIAYA USAHAWAN 2022 termasuklah forum, perkongsian maklumat (*pocket talk*), padanan pembiayaan dan reruai (*booth*) informasi.

BIAYA USAHAWAN 2022 turut melibatkan pelaksanaan sub-program iaitu Program Intervensi – Peluang Kedua Kepada Usahawan. Program ini dirangka untuk membantu usahawan PMKS yang berdepan dengan masalah pengurusan kewangan yang serius dan berisiko untuk muflis. KUSKOP menerusi jalinan kerjasama antara Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah memilih seramai 40 orang usahawan PMKS yang akan mengikuti program bimbingan perniagaan secara intensif selama empat bulan.

KUSKOP komited dalam memastikan seramai mungkin keluarga usahawan PMKS menerima manfaat daripada kemudahan-kemudahan kewangan yang ditawarkan menerusi program seumpama ini. Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan sebagai pemangkin untuk memastikan sektor PMKS dapat terus berkembang dan menjadi menyumbang penting kepada peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar Negara (KDNK).

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

24 SEPTEMBER 2022